

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1969**

=====

**PINDAAN CUKAI DIBAWAH SEKSYEN 101
KANUN TANAH NEGARA**

Adalah tanah-tanah yang telah diluluskan pengeluarannya di bawah Undang-Undang Tanah lama yang sekarang ini masih dipegang oleh pemohon-pemohon sebagai "Approved Application". Disisi Kanun Tanah Negara tanah-tanah seperti itu adalah disifatkan sebagai tanah-tanah pengeluarannya telah diluluskan di bawah undang-undang terdahulu seperti yang disebutkan dalam seksyen 80 (4) Kanun Tanah Negara itu.

2. Tanah-tanah seperti itu tidak boleh dipinda cukainya di bawah seksyen 101 Kanun Tanah Negara sebagai yang dilaksanakan sekarang ini bagi tanah-tanah milik.

3. Satu tindakan untuk meminda cukai-cukai tanah yang dipegang sebagai "Approved Application" itu masih diambil di bawah seksyen 80 (i)(ii) Kanun Tanah Negara untuk menyelaraskan cukai-cukai tanah seperti itu dengan kadar-kadar pindaan yang berkenaan yang telah diluluskan dalam Bil. (4) dlm. PTG.Sel.0.223 itu.

4. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diarahkan supaya mulai daripada 1hb Januari 1970 memberhentikan sehingga diberitahu kelak, pengeluaran Geran Sementara bagi tanah-tanah seperti itu dimana-mana didapati cukai-cukai yang dikenakan sekarang bagi tanah-tanah seperti itu rendah daripada kadar-kadar pindaan yang berkenaan yang telah diluluskan dalam Bil (41) dlm. PTG.Sel.0.223 itu. Pengeluaran Geran Sementara bagi tanah-tanah seperti itu yang cukainya yang dikenakan sekarang sama dengan atau tinggi daripada kadar-kadar pindaan yang berkenaan yang telah diluluskan dalam Bil (41) dlm PTG.Sel 0.223 itu bolehlah terus dilakukan.

5. Perhatian Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah juga ditarik kepada kemungkinan adanya tanah-tanah yang pengeluarannya telah diluluskan di bawah Kanun Tanah Negara samada cara pengeluaran baru atau pun berikutan dengan pemecahan (sub – division partition) penyatuan (amalgamation) yang Geran Sementaranya belum lagi dikeluarkan pada 1hb Januari 1970. Rekod-rekod tanah-tanah yang seperti itu hendaklah diperiksa dan jika didapati cukai-cukai yang telah diluluskan dalam Bil (41) dlm PTG.Sel 0.223 itu tondakan pengeluaran Geran Sementara hendaklah diberhentikan dan fail-fail yang berkenaan dihantarkan ke pejabat ini supaya perundingan (negotiation) boleh diadakan dengan tuan-tuan tanah yang berkenaan untuk menyelaraskan cukai-cukai tanah seperti itu dengan kadar-kadar pindaan yang telah diluluskan itu. Dimana-mana didapati cukai-cukai tanah seperti itu yang telah diluluskan sama

dengan atau tinggi daripada kadar-kadar cukai pindaan yang berkenaan yang telah diluluskan dalam Bil.(41)dIm.PTG.Sel.0223 itu, pengeluaran Geran Sementara bolehlah dilakukan.

T.T
(RAJA SHAH KOBAT BIN RAJA HAMZAH)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.Sel.0.223 (SJ.4) (3)

Kuala Lumpur,
28hb. November, 1969.